

## ARTIKEL ORIGINAL

## PRINSIP PENGUKURAN RELIGIOSITI DAN PERSONALITI MUSLIM

Jamiah Manap · Azimi Hamzah · Sidek Mohd Noah · Hasnan Kasan · Steven Eric Krauss · Khairul Anwar Mastor · Turiman Suandi · Fazilah Idris

Terbitan atas talian: 1 Jun 2013  
© Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, 2013

**Abstrak** Pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah penting dalam bidang pembangunan manusia dan psikologi. Persoalannya, adakah religiositi dan personaliti Muslim boleh diukur? Sekiranya boleh, apakah prinsip yang perlu dipatuhi untuk memastikan alat ukuran tersebut selaras dengan ajaran Islam dan dapat mengukur atribut yang hendak diukur? Justeru, kajian dibuat untuk mengenalpasti prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. Kajian kualitatif *Grounded Theory* dilaksanakan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Data dikumpul melalui temubual separa berstruktur dengan enam orang pemikir Islam tersohor di Malaysia. Kajian mendapati, religiositi dan personaliti daripada perspektif Islam boleh diukur berasaskan tujuh prinsip asas. Prinsip tersebut adalah; 1) hukuman atau penilaian berasaskan perkara yang terzahir sahaja, 2) pengukuran religiositi daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun nilai sebenar adalah di sisi Allah, 3) asas pengukuran adalah manifestasi tiga rukun agama iaitu Iman (akidah Islam), Islam (syariat Islam) dan Ihsan (akhlik Islam), 4) Iman perlu dibuktikan dengan amalan, 5) penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia, 6) simbol yang berkaitan dengan religiositi tidak semestinya mencerminkan religiositi dan personaliti Muslim, dan 7) piawai pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah Al-Quran dan sunnah. Sehubungan itu, ianya dicadangkan agar turut dijadikan sebagai garis panduan dalam membangun, menilai dan menggunakan alat ukuran psikologi religiositi dan personaliti Muslim merentas sempadan budaya dan negara.

**Kata Kunci** Psikologi Islam · Religiositi Muslim · Personaliti Muslim · Pembangunan Alat Ukuran · Prinsip Pengukuran

**Abstract** Muslim religiosity and personality measurement is a growing need in the study of human development and psychology. The question is, can Muslim religiosity and personality be measured? If so, what are the basic principles to ensure that such a measurement is aligned with Islamic teachings and able to measure the attributes that we want to measure? Thus, the main objective of the current research was to identify the principles of Muslim religiosity and personality measurement. A qualitative study using a *Grounded Theory* approached was conducted to answer the research questions. Data were collected through semi-structured interviews with six well-known Muslim scholars in Malaysia. Findings from the interviews indicated that religiosity and personality from the Islamic perspective can be measured based on seven principles: 1) judgement or evaluation is limited to outward/external/behavioral aspects only, 2) the perfect measurement is only from Allah, 3) the basis of measurement is the manifestation of three religious pillars, which is Iman (Islamic belief), Islam (Islamic syariah) and Ihsan (Islamic ethics of conduct), 4) Iman must be measured by deeds, 5) the perfect internalization of Islamic syariah bears good ethics of conduct 6) symbols related to religiosity may not reflect Muslim religiosity and personality, and 7) the standard of Muslim religiosity and personality measurement are the Quran and Sunnah. Thus, the principles are suggested as a guideline in developing, evaluating and utilizing religiosity and personality measurement across countries and cultures.

**Keywords** Islamic Psychology · Muslim Religiosity · Muslim Personality · Instrument Development · Measurement Principles.

Jamiah Manap · Hasnan Kasan · Khairul Anwar Mastor · Fazilah Idris  
Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [jamiah@ukm.my](mailto:jamiah@ukm.my)

Azimi Hamzah · Sidek Mohd Noah · Steven Eric Krauss · Turiman Suandi  
Universiti Putra Malaysia

## Pengenalan

Religiositi atau kehidupan beragama amat penting di dalam kehidupan manusia kerana religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkahlaku, personaliti (Raba, 2001), ketenangan emosi (Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Sehubungan itu, pengukuran religiositi juga merupakan perkara yang penting.

Pengukuran adalah pemberian nombor-nombor kepada objek atau peristiwa melalui prosedur tertentu untuk menilai pencapaian individu berdasarkan nilai numerikal yang diperolehi (Mohd Noah, 1998). Pengukuran psikologi terbukti lebih sahih dan berkesan untuk memahami konstruk psikologi dan atribut personaliti individu berbanding kaedah lain (Mohd Noah, 1998). Menyedari hal itu, para sarjana barat telah membangunkan lebih daripada 523 alat ukuran religiositi dalam bentuk psikometrik sejak 1935 hingga 1996 (Hill & Hood, 1999) daripada perspektif agama Kristian.

Islam menawarkan penyelesaian terbaik kepada permasalahan semasa kerana ajaran Islam bersifat stabil dan dinarnik. Bagaimanapun, pengaplikasian dan keberkesanan ajaran tersebut tidak dapat diukur kerana bilangan alat ukuran religiositi Muslim yang bermutu adalah terhad dan kebanyakannya alat ukuran religioiti adalah daripada perspektif ajaran Kristian (Manap, 2005; Almarri et al., 2009 dan Kamil et. al., 2012). Menurut Idris et al., (2012), literatur dalam bidang pengukuran psikometrik religiositi Muslim adalah terhad. Ini mengakibatkan terdapat penyelidik yang mengadaptasikan alat ukuran konvensional yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai Islam dalam kajian mereka.

Sehingga kini, terdapat beberapa alat ukuran religiositi Muslim yang telah dibangunkan. Alat ukuran tersebut didapati bersifat kompleks sebagaimana alat ukuran konvensional. Antara alat ukuran religiositi dan personaliti Muslim yang telah dibangunkan adalah *Muslim Religiosity and Personality Inventory* (MRPI) oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Kraus et. al., 2005), The Short Muslims Practice and Belief Scale (Short MPBS) oleh Almarri dan rakan-rakan (2009) dari Universiti of Queensland (Australia) dan Sultan Qaboos University (Oman) dan Multidimensional Religiosity Scale (Qasm & Jahangir (2010).

Tahap religiositi yang tinggi didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan gelagat kepatuhan zakat-perniagaan di Malaysia (Idris et. al., 2012), personaliti authoritarian yang sihat di Indonesia (Ji & Ibrahim, 2007) kecenderungan tidak mengambil alkohol sepanjang hayat dalam kalangan Muslim berbangsa Arab dan Asia (Almarri, Oei, & Al-Adawi, 2009) serta

ketiadaan simptom kemurungan dalam kalangan remaja dan kanak-kanak di Palestin dan Kuwait (Abdel Khalid & Eid, 2011).

Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi sarjana Muslim dalam bidang psikologi dan pembangunan manusia untuk membangunkan lebih banyak alat ukuran religiositi dan personaliti yang bersesuaian dengan syariat Islam bagi mengukur tahap religiositi dan personaliti Muslim dengan tepat. Alat ukuran yang tepat membolehkan pengamal psikologi dan pembangunan manusia membantu individu mengenalpasti tahap religiositi dan personaliti Muslim dengan tepat. Ianya penting dalam membentuk pelan intervensi, polisi atau modul yang sesuai bagi meningkatkan kualiti religiositi dan personaliti Muslim individu atau kumpulan. Selain itu, alat ukuran psikologi ini juga penting dalam pelbagai kajian yang berkaitan dengan pembangunan manusia dan psikologi.

Justeru, kajian kualitatif *Grounded Theory* dilaksanakan untuk mengetahui sejauhmana pengukuran religiositi dan personaliti Muslim boleh dilaksanakan dan prinsip yang seharusnya dijadikan panduan dalam membina, mengaplikasi dan menilai alat ukuran psikologi yang dibangunkan. Perbincangan terhadap hasil kajian fokus kepada prinsip pengukuran dalam konteks membangun alat ukuran (*instrument*) psikologi yang dapat mengukur konstruk religiositi dan personaliti Muslim dengan tepat.

## Metod

Kajian dibuat menggunakan pendekatan kualitatif *Grounded Theory*. Sejumlah enam siri temubual telah dibuat dengan pakar-pakar dalam bidang agama di Malaysia daripada latar belakang yang berbeza menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Mereka dipilih berdasarkan sumbangan kepada pembangunan pemikiran Islam, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang ilmu yang berkaitan dengan Islam, menyerlah dalam bidang masing-masing di Malaysia dan di peringkat antarabangsa serta mempunyai sifat pribadi yang menepati ciri-ciri personaliti Muslim yang diakui ramai. Pakar-pakar tersebut adalah Prof. Dr. Syed. Naquib Al-Attas (bekas Pengarah Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa), Prof. Malik Badri (ahli psikologi Islam dan bekas Timbalan Pengarah Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa), Tan Sri Prof. Dr. Kamal Hassan (Profesor Ulung dan bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Prof. Dato' Dr. Zakaria Stapa (Felo Utama Institut Islam Hadhari dan bekas dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), Ustaz Uthman El-Muhammady (bekas Felo Kehormat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Dato' Hasyim

Yahya (bekas Mufti Wilayah Persekutuan). Pengumpulan data dibuat sehingga mencapai tahap tepu iaitu apabila tiada lagi kategori baru yang diperoleh daripada temubual tersebut.

Pengumpulan data juga melibatkan analisis dua dokumen utama yang menjadi asas rujukan kepada syariat Islam iaitu al-Quran dan hadith. Analisis dokumen meningkatkan kesahan kajian ini melalui triangulasi data.

Penganalisaan data bermula sebaik sahaja pengumpulan data bermula. Temubual dan transkrip data dilaksanakan sendiri oleh penyelidik untuk meningkatkan kefahaman terhadap data kajian. Ianya diikuti dengan pembacaan transkrip secara menyeluruh dan proses analisis baris demi baris menggunakan perisian *Nud\*ist*. Proses *open coding* dibuat untuk mengenalpasti konsep-konsep yang berkaitan dengan prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. Pengumpulan data berakhir sebaik sahaja data mencapai tahap tepu iaitu tiada sebarang konsep atau kategori baru ditemui. Ianya disusuli dengan proses *axial coding* iaitu dengan menghubungkan konsep-konsep tersebut kepada tujuh kategori utama (tema) prinsip pengukuran. Proses pengkodan data diakhiri dengan *selective coding* iaitu dengan menghubung-jalinkan tema-tema yang diperolehi dengan teori atau dapatan kajian lepas bagi membentuk cerita dalam bentuk model prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim.

## Keputusan

### *Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim*

Berasaskan analisis yang dibuat, kajian mendapatkan pembangunan alat ukuran psikologi religiositi dan personaliti Muslim boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ia perlu mematuhi tujuh prinsip asas yang diperoleh daripada kajian ini. Prinsip-prinsip tersebut adalah:

1. *Hukuman atau penilaian berasaskan perkara yang terzahir sahaja.*
2. Pengukuran religiositi daripada perspektif Islam boleh dibuat, namun nilaiannya sebenar adalah di sisi Allah.
3. Asas pengukuran adalah manifestasi iman, Islam dan Ihsan
4. Iman perlu dibuktikan dengan amalan
5. Penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia
6. Simbol yang mempunyai perkaitan dengan religiositi tidak semestinya mempunyai interpretasi yang sama bagi individu yang berbeza
7. Piawai pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah Al-Quran dan sunnah

*Prinsip Pertama: Hukuman atau penilaian adalah berasaskan aspek yang terzahir sahaja*  
Hukuman dan penilaian religiositi seseorang hanya dapat dibuat pada aspek yang dapat dilihat dan diperhatikan sahaja. Menurut Dato' Hasyim Yahya:

*Kita diminta menghukum secara zahir.  
Nabi kata kita hanya menghukum  
mengikut zahir. Yang rahsia dalam  
hati dia itu tuhan yang tahu.*

Individu itu adalah dihukumkan sebagai seorang Muslim yang baik selagi ia menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan bertingkah laku sebagai seorang Muslim walaupun niatnya bukan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah. Dalam ertikata lain, urusan tentang rahsia hati individu berada di luar bidang kuasa manusia. Oleh itu, individu tidak boleh dihukum sebagai munafik atau fasik apatahlagi kafir, selagi individu tersebut tidak menzahirkan perkataan atau perbuatan yang dikategorikan sebagai perbuatan orang-orang yang munafik atau fasiq atau kafir. Antara perbuatan yang dikategorikan sebagai fasiq adalah meminum arak, berjudi (Surah Al-Maidah: 41), mengamalkan riba (Surah Al-Baqarah: 271), mencuri (Al-Maidah: 38) dan berzina (Surah An-Nisa: 15). Ini bermakna, seseorang itu adalah hanya dikategorikan sebagai orang yang fasiq apabila melakukan perkara-perkara yang jelas diharamkan oleh Islam. Di dalam perkara yang melibatkan perundangan pula, hukuman hanya dapat diputuskan apabila kes tersebut mempunyai saksi yang adil. Perkara ini jelas di dalam ayat ke-15 Surah An-Nisa' yang bermaksud:

*Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah hingga mereka sampai ajal matinya atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu).*

Hal ini adalah besesuaian dengan penyataan Dato' Hasyim Yahya yang menyatakan:

*Dia itu ikhlas tak ikhlas, dia dengan tuhan. Selagi apa yang tak elok dalam hati dia tidak menjelma keluar. Kalau hati yang tak elok ni sudah menjelma kepada perbuatan luar, kita akan hukum dia ikut perbuatan luar itu.*

Dalam konteks alat ukuran psikologi, tahap religiositi dan personaliti seseorang hanya dapat diukur apabila individu tersebut menjelaskan persepsiannya terhadap sesuatu perkara, menyatakan sikapnya atau mengesahkan tingkah lakunya secara bertulis melalui item-item yang disenaraikan di dalam alat ukuran. Walau bagaimanapun, sekiranya individu tersebut tidak menjawab dengan betul terhadap pernyataan-pernyataan yang diberikan, perkara yang tersembunyi di dalam hatinya tidak dapat diukur. Alat ukuran tersebut hanya mengukur mengikut apa yang dizahirkan oleh individu tersebut sahaja. Oleh itu, menjadi tanggung jawab penyelidik untuk meningkatkan keyakinan responden terhadap kerahsiaan maklumat yang diberikan semasa mentadbir alat ukuran bagi meningkatkan kesahihan data melalui kejujuran responden semasa menjawab item-item alat ukuran yang diberikan. Dalam masa yang sama, responden itu sendiri bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang betul supaya diagnosis yang betul dapat dilaksanakan. Sekiranya kaedah temubual digunakan bagi mendapatkan maklum-balas responden, pemerhatian terhadap kontak mata, imej dan tingkah-laku responden dalam sesi temubual boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada indikator terhadap kejujuran responden. Dalam pada itu, teknik komunikasi yang berkesan boleh digunakan untuk menggalakkan responden memberikan respon yang jujur

*Prinsip kedua: Pengukuran religiositi dan personaliti boleh dibuat, namun nilai sebenar adalah di sisi Allah.*

Prinsip kedua juga berkait rapat dengan prinsip yang pertama. Kesemua pakar yang ditemui telah bersetuju bahawa religiositi dan personaliti boleh diukur daripada perspektif Islam khususnya melalui kaedah pemerhatian. Kedudukan manusia adalah bertingkat-tingkat di sisi Allah sebagaimana firman Allah di dalam Surah Al-Imran ayat 163 yang bermaksud: *(Kedudukan) mereka itu bertingkat-tingkat di sisi Allah, dan Allah Maha Melihat apa yang mereka kerjakan.* Walau bagaimanapun, ukuran nilai mutlak diri seseorang adalah di sisi Allah. Allah berfirman di dalam surah Al-Baqarah ayat 284 yang bermaksud:

*Kepunyaan Allah-lah segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, niscaya Allah akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatanmu itu. Maka Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.*

Realitinya, terdapat segolongan manusia yang tidak beriman tetapi berpura-pura beriman. Allah menjelaskan situasi ini di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Dan mereka (orang-orang munafik) bersumpah dengan (nama) Allah, bahwa mereka termasuk golonganmu; padahal mereka bukan dari golonganmu, akan tetapi mereka adalah orang-orang yang sangat takut (kepadamu)*  
*(at-Taubah: 56)*

Oleh itu, pengukuran boleh dibuat namun nilai sebenar mutlak diri seseorang adalah di sisi Allah sebagaimana pernyataan Dato' Hasyim Yahya:

*Elok bertelekung, berketerampilan sebagai seorang Muslimah, dah cantik, kita hukum dia muslimahlah dia. Cantiklah dia ikut Islam selagi hakikat sebenar hati dia kita tak tahu: dia nak bodek orang ke, dia nak mengampu orang ke, kerana ada matlamat duniaawi.*

Dalam konteks alat ukuran psikologi, keupayaan alat ukuran dalam mengukur atribut religiositi dan personaliti Muslim bersifat terbatas berbanding ketepatan penilaian Allah yang mengetahui setiap inci pergerakan, pemikiran dan perasaan manusia. Diagnosis yang dibuat tidak semestinya benar-benar tepat dan menggambarkan 100% keadaan religiositi dan personaliti seseorang.

*Prinsip ketiga: Asas pengukuran adalah manifestasi Iman, Islam dan ihsan*

Asas pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah manifestasi Iman, Islam dan Ihsan. Perkara ini dijelaskan oleh Prof. Malik Badri yang turut dipersetujui oleh Prof. M. Kamal Hassan dan Dato' Hasyim Yahya. Berikut dipetik sebahagian daripada mereka:

Tan Sri. Prof. Dr. Kamal Hassan:

*if think of Islam, iman and ihsan as manifested by your speech, your conduct, you can measure the quality of your speech, the quality of your conduct.*

Dato' Hasyim Yahya:

*....kalau kita tengok dia sembahyang elok, cara dia pun cara baik, maka kita hukumlah dia hidup beragama...*

*Islam itu akidah, syariah, akhlak  
Tiga-tiga ni berangkai. Ha! Tu  
penghayatan agama.*

Dalam konteks alat ukuran psikologi, item-item dalam alat ukuran yang dibangunkan mestilah terdiri daripada item-item yang dapat menggambarkan persepsi, sikap dan amalan seseorang terhadap tiga rukun agama tersebut iaitu Islam, Iman atau Ihsan. Butiran lanjut tentang Islam, Iman dan Ihsan ini dapat diperhatikan dalam maksud petikan hadith di bawah:

*Dari Umar bin Al Khattab r.a., katanya:  
Pada suatu hari, dalam masa kami sedang duduk di sisi Rasulullah s.a.w, tiba-tiba muncul kepada kami seorang lelaki: Putih melepak pakaianya, hitam legam rambutnya, tidak kelihatan padanya tanda-tanda perjalanan (sebagai seorang pengembara), dan tidak ada seorang pun dari kami yang mengenalinya; (demikianlah halnya) sehingga ia duduk mengadap Nabi s.a.w. lalu ia menemukan kedua lututnya kepada kedua lutut Baginda sambil meletakkan kedua tapak tangannya atas kedua pahanya serta berkata: "Wahai Muhammad! Beritahulah kepada ku tentang (dasar-dasar) Islam<sup>(1)</sup>?" Maka Rasulullah s.a.w. menerangkan: "(Dasar-dasar) Islam itu ialah engkau melafazkan kalimah syahadat (meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah dan engkau mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta berpuasa pada bulan Ramadan dan juga engkau mengerjakan Haji ke Baitullah jika engkau mampu sampai kepadanya." (Mendengarkan penerangan Baginda yang demikian) ia berkata: "Benarlah apa yang tuan katakan itu!" Kata Umar: Maka kami merasa hairan terhadap orang itu - ia bertanya kepada Baginda dan ia juga mengesahkan benarnya (sebagai seorang yang mengetahui perkara yang ditanyakannya itu). Kemudian ia bertanya lagi: "Beritahulah kepada ku tentang iman<sup>(2)</sup>?" Nabi s.a.w. menerangkan: "(Iman itu ialah) engkau beriman kepada Allah, Malaikat MalaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-*

*rasulNya, serta Hari Akhirat; dan engkau beriman kepada takdir (yang ditentukan oleh Allah) - baiknya dan buruknya." (Mendengarkan yang demikian) ia berkata: "Benarlah apa yang tuan katakan itu." Kemudian ia bertanya lagi: "Beritahulah kepada ku tentang ihsan<sup>(3)</sup>?" Nabi s.a.w. menerangkan: "(Ihsan itu ialah) engkau mengerjakan ibadat kepada Allah Taala seolah-olah engkau melihatNya (memerhatikan keadaanmu)<sup>(4)</sup>, kiranya engkau tidak dapat melakukan yang demikian maka ingatlah bahawa Allah Taala tetap memerhatikan keadaan mu."*  
*(Shahih Bukhari: 8)*

*Prinsip keempat: Iman perlu dibuktikan dengan amalan*

Keimanan memerlukan bukti. Bukti tersebut adalah amalan yang selaras dengan akidah yang dipegang. Pengetahuan atau kefahaman seseorang terhadap perkara yang berkaitan dengan akidah adalah melambangkan pengetahuan dan kefahaman semata-mata. Dato' Hasyim Yahya menyatakan:

*..kalau dia nak ukur akidah yang sebenarnya mengikut penghayatan dia, kalau kita nak ikut betul-betul, bukan orang yang mesti hafal sifat 20 itu kuat akidahnya. Kita kata: awak akidah dapat nombor satu, 99% sebab sifat 20 hafal" .. Tak mesti*

Pengetahuan dan kefahaman yang tinggi adalah tidak mencukupi untuk membuktikan ketaqwaan seseorang. Keimanan kepada Allah, para rasul, para malaikat, kitab-kitab-Nya serta hari akhirat mesti dibuktikan dengan menunaikan segala perintah Allah dan meninggalkan segala yang ditegah oleh Allah dan rasul-Nya. Keimanan terhadap qada' dan qadar Allah pula perlu dibuktikan dengan sifat sabar dan redha dengan ujian yang menimpa. Allah berfirman di dalam Surah Al-Imran ayat 31 yang bermaksud:

*Katakanlah, jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu...*

Justeru, penilaian terhadap religiositi seseorang Muslim adalah berdasarkan kepatuhan seseorang terhadap syariat Islam dalam segala aktiviti hidupnya. Berhubung dengan perkara tersebut, Dato' Hasyim Yahya menjelaskan:

*..mulai dengan akidah, iman kita.  
Akidah apa semua ni, macamana*

*kita nak tau dia betul tak betul? Dia tengok syariah, penghayatan dia pada syariah. Bila dia beriman dengan Allah, beriman dengan Rasul, beriman dengan Quran. Itu dari segi tauhid dia dalam hati dia. Dia mesti jelmakan dengan perbuatan. Maka perbuatan itu syariat. Syariat ni bukan kita paham sembahyang saja. Syariat yang kita sebut tadi menyeluruh (iaitu) aktiviti hidup.*

Dalam konteks alat ukuran psikologi, persepsi yang betul dan jawapan yang tepat kepada masalah tauhid belum memadai untuk menilai tahap religiositi seseorang. Iman yang sempurna perlu dibuktikan dengan amal soleh iaitu komponen Islam (kepatuhan kepada syariat Islam) dan Ihsan (akhlik mulia).

*Prinsip kelima: Penghayatan syariat Islam yang sempurna melahirkan akhlak yang mulia*

Akhlik yang mulia terhasil daripada akidah dan pengimplimentasian syariah Islam yang sempurna. Akhlik merupakan sifat diri batin seseorang yang telah kukuh sebatи dan seterusnya mencetuskan tindakan atau pola perlakuan tertentu secara spontan. Sehubungan itu, keimanan yang sempurna yang telah sebatи dengan diri individu akan mencetuskan akhlik yang mulia. Oleh yang demikian, individu yang memaparkan akhlik yang buruk secara tidak langsung menunjukkan kelemahan aspek akidah dan penghayatan agamanya. Dato' Hasyim menjelaskan perkara ini dalam petikan di bawah:

*...syariat pulak.. kalau anta buat sembahyang puasa elok tapi tak membuaikan hasil akhlaq...makin sembahyang makin jahat..makin sembahyang .. makin penampaq orang.. makin sembahyang makin tak tunai tanggungjawab... syariat mesti melahirkan akhlaq!. Ha! .. Ini! Jadi tulah penghayatan agama! Mesti hubung...akidah dia kait dengan syariah.. syariah melahirkan akhlaq..*

Perkara Ini adalah bersesuaian dengan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a yang bermaksud:

*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w pernah bersabda: Seorang penzina tidak akan berzina jika ketika itu dia berada di dalam keimanan. Seorang pencuri tidak akan mencuri jika ketika itu dia berada di dalam keimanan iaitu iman yang sempurna. Begitu juga seorang peminum arak tidak akan meminum*

*arak jika ketika itu dia berada di dalam keimanan  
(Shahih Muslim: 86).*

Dalam konteks alat ukuran psikologi, apabila alat ukuran tersebut hanya fokus dalam mengukur tahap akhlak atau komponen Ihsan individu, sebarang kelemahan yang ditemui pada komponen akhlak individu tersebut adalah mempunyai hubungan yang signifikan dengan akidah atau tahap keimanan seseorang. Sehubungan itu, kesahan kandungan bagi alat ukuran yang mengukur komponen akidah dan akhlak tersebut dapat dibuktikan apabila dapatkan kedua-dua komponen ini adalah selari.

*Prinsip keenam: Simbol yang berkaitan dengan religiositi tidak semestinya mencerminkan religiositi dan personaliti Muslim*

Terdapat banyak simbol yang berkait dengan religiositi dan personaliti Muslim. Antara simbol tersebut adalah pakaian, bahasa, material, bentuk fizikal dan air muka. Contohnya dalam aspek berpakaian. Individu yang berpakaian menutup aurat telah memenuhi tuntutan syariat dalam aspek pakaian. Walau bagaimanapun, individu yang berpakaian menutup aurat tidak semestinya mempunyai akidah yang sempurna atau mengamalkan akhlik yang mulia. Justeru, pakaian yang dipakai dan air muka seseorang belum cukup untuk membuktikan individu tersebut adalah individu yang bertaqwa kepada Allah. Oleh yang demikian, simbol yang sama tidak semestinya mempunyai natijah yang sama. Berikut merupakan penjelasan Prof. Naquib Al-Attas berhubung perkara tersebut:

*..that is taqwa...that is what religion is. What Islam? Is not what those other people say. What does it mean? That's it.!That doesn't mean just looking, appearing externally as if you're very humble. That's not what taqwa is.*

Dalam konteks alat ukuran, simbol-simbol yang berkaitan dengan religiositi seperti tatacara berpakaian boleh dijadikan item dalam mengukur tahap kepatuhan manusia terhadap syariat Allah. Bagaimanapun ianya perlu disertai dengan komponen lain yang terdapat dalam rukun agama bagi meningkatkan keupayaannya dalam mengukur konstruk religiositi dan personaliti Muslim yang ingin diukur.

*Prinsip ketujuh: piawai pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah Al-Quran dan sunnah*  
Sumber utama syariah Islam adalah Al-Quran dan sunnah. Firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan ta'atilah Rasul(Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu adalah lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Justeru, secara automatis piawai pengukuran religiositi dan personaliti Muslim adalah Al-Quran dan sunnah. Oleh yang demikian, ukuran baik dan buruk bagi sesuatu perkara atau tingkah laku adalah dinilai berasaskan ukuran baik dan buruk yang termaktub di dalam Al-Quran dan sunnah. Berikut merupakan petikan daripada Prof. M. Kamal Hassan dan Uthman El-Muhammady berkenaan perkara tersebut:

Prof. M. Kamal Hassan

*Ok, how to come back to the middle is the wasatiyah of Islam, the middle ground of Islam, which is in the Qur'an and is what the Prophet taught. We just have to look at the way we teach religion again. We have to look at the spirit of the Qur'an rather than be bound by the works of man. So a more revelation came about in the Qur'an, that's through the prophet.*

Uthman El-Muhammady

*...religiosity means manifestation of committed religious life in an individual, which can be discerned from the depth of his belief. Commitment to personal spiritualities moral behaviour in conformity with the Islamic code of conduct and his discipline in life and his religious life being conducted in accordance with shariah*


Dalam konteks alat akuran psikologi, konstruk dan item yang dibangunkan mestalah selari dengan nilai-nilai yang termaktub di dalam al-Quran dan hadith. Nilai-nilai yang bertentangan dengan kedua-dua dokumen tersebut akan menjelaskan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran psikologi tersebut. Oleh itu, penyelidik perlu sentiasa merujuk kepada kedua-dua dokumen tersebut sebelum, semasa dan selepas alat ukuran dibangunkan.

### Perbincangan

Rajah 1 menunjukkan perkaitan di antara prinsip-prinsip pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. Segitiga yang berada di atas menunjukkan tiga dimensi utama.

Rajah 1

Model Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim



Nilai diri manusia yang berada di bawah sempadan adalah nilai aspek zahiriah yang dapat diukur oleh manusia. Aspek zahiriah ini adalah manifestasi Islam, Iman dan Nilai yang berada di atas sempadan pula adalah nilai mutlak diri manusia atau realiti sebenar diri manusia yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Ianya termasuk atribut religiositi dan personaliti yang disembunyikan dengan sengaja oleh responde, atribut yang tidak diukur dengan alat ukuran dan kesilapan (ralat) yang berlaku semasa pengukuran dibuat. Ini selaras dengan keupayaan akal dan ilmu pengetahuan manusia yang bersifat terbatas berbanding sifat Allah yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui atas segala sesuatu.

Hasil kajian ini secara tidak langsung menjadi faktor penggalak kepada sarjana Muslim terutamanya dalam bidang pembangunan manusia dan psikologi untuk membangunkan lebih banyak alat ukuran psikologi religiositi dan personaliti Muslim dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Keterbatasan pengukuran manusia yang hanya boleh mengukur atribut yang terzahir sahaja mendorong penyelidik supaya menjadi lebih bijaksana dan kreatif bagi membolehkan individu/kumpulan menzahirkan lebih banyak maklumat tentang aspek religiositi dan personaliti Muslim mereka untuk diukur. Dalam pada itu, prinsip-prinsip pengukuran boleh diaplikasikan

sebagai garis panduan dalam pembangunan lebih banyak alat ukuran psikologi yang dapat mengukur pelbagai komponen religiositi dan personaliti Muslim sama ada secara spesifik ataupun menyeluruh dengan tepat. Alat ukuran psikologi ini kemudiannya dapat digunakan dalam pelbagai kajian yang berkaitan dengan religiositi dan personaliti Muslim dalam kerangka membangun dan memperkasa individu/komuniti Muslim secara terancang dan bersepada.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat tujuh prinsip telah dikenal pasti sebagai garis panduan di dalam proses perancangan, pembangunan dan perlaksanaan penilaian atau pengukuran religiositi dan personaliti Muslim. Berasaskan prinsip-prinsip tersebut, konstruk religiositi dan personaliti Muslim dapat diukur berasaskan aspek zahiriah yang memanifestasikan komponen Islam, Iman dan Ihsan melalui kefahaman agama, simbol yang berkait dengan religiositi, kepatuhan kepada disiplin dan syariat Islam serta akhlak Islam. Sehubungan itu, lebih banyak alat ukuran psikologi yang dapat mengukur komponen-komponen tertentu religiositi dan personaliti Muslim secara lebih fokus perlu dibangunkan bagi tujuan penilaian, pembangunan dan pemerkasaan individu/komuniti Muslim.

Prinsip-prinsip ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada sebarang penyelidikan yang berkaitan dengan religiositi dan personaliti Muslim. Sebarang alat ukuran religiositi Muslim yang melanggar prinsip ini tidak dapat diterima pakai walaupun mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mengikut kaedah pengukuran empirikal. Dalam pada itu, prinsip ini juga mendorong penyelidik supaya tidak terlalu taksub dengan alat ukuran yang dibina serta diagnosis yang terhasil daripada alat ukuran tersebut kerana sifat pengukuran manusia adalah terbatas dan nilai mutlak diri manusia hanya diketahui oleh Allah sahaja. Walau bagaimanapun, prinsip ini juga tidak bersifat mutlak. Ia boleh diperbaiki dari semasa ke semasa agar sesuai dengan perubahan zaman selagi penamaian tersebut adalah selaras dengan kerangka pandangan hidup (*worldview*) Islam yang syumul.

## Rujukan

- Al-Quran.
- Raba, A. M. (2001). *Major personalities in The Quran*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen
- Brown, R. T. (2005). Recent advances in pharmacotherapies for the externalizing disorders. *School Psychology Quarterly*, (20), 118-134. doi:10.1521/scpq.20.2.118.66.515
- Al-Marri, T. S. K., Oei, T. P. S., & Al-Adawi, S. (2009). The development of the short Muslim practice and belief scale. *Mental Health, Religion and Culture*, 12, (5), 415-426. doi: 10.1080/13674670802637643
- Kassan, H. (2002). *Kesihatan jasmani dan rohani sebagai asas kejayaan menurut Islam*. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka (1997). *Tasauf Moden*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Hill P. C., & Hood R.W.(1999). *Measures of Religiosity*. Alabama: Religious Education Press.
- Manap. J. (2005). *Kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim*. Tesis master tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Ji, C-O., & Ibrahim, Y. (2007). Islamic religiosity in right-wing authoritarian personality: The case of Indonesian Muslim. *Review of Religious Research*, 47, (2), 128-146.
- Md Idris, K., Bidin, Z., & Saad, R. AJ. (2012). Ukuran nilai keagamaan dalam Islam dan hubungannya dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan*, (34), 3-10.
- Krauss, S.E., Azimi, H., Turiman S., Sidek, M.N., Khairul, A.M., Rumaya, J., Hasnan, K., Azma, M., & Jamiah, M. (2005). The Muslim religiosity-personality measurement inventory (MRPI) religiosity measurement model: Toward filling the gaps in religiosity research on Muslims. *Pertanika Journal of Science and Technology*, 13,(2), 131-145.
- Qasmi, F. N. & Jahangir, F. (2010). Development and validation of a multidimensional religiosity scale for Muslim. *FWU Journal of Social Sciences*, (2), 99-110.
- Qur'an (2010, Mei). *The noble Qur'an*. Dilihat dari <http://quran.com/>
- Mohd Noah, S. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling: untuk Pelajar Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Qardhawi, Y. (1998). *Panduan memahami syariat*. Selangor: Pustaka Ilmi.